

Kesedaran tinggi elak pencemaran sungai

SAYA kagum apabila membaca rencana dalam ruangan 'Destinasi' *Berita Minggu* bertajuk 'Kesegaran tong sampah Eropah' pada 28 Januari lalu.

Dalam rencana itu, penulisnya menceritakan keindahan Sungai Rhine merentasi beberapa negara Barat dari Switzerland hingga ke Jerman, Perancis, Austria, Luxemburg dan Belanda terus ke laut utara itu dan sungai itu tidak tercemar, malah bersih daripada sampah sarap.

Komitmen dan kesedaran yang tinggi di kalangan masyarakat setempat menjadikan 'tali air semula jadi' sepanjang 1,320 kilometer itu sebagai destinasi popular di Eropah.

Begitu juga apabila kita melawat Singapura, sungai di tengah bandar rayanya menuju ke arah laut bersih sepanjang masa, walaupun ada beberapa tongkang berlabuh di kawasan sekitarnya.

Sungai di Malaysia bagaimanapun masih belum sampai ke tahap kebersihan itu, walaupun negara kita akan mendapat status negara maju pada 2020.

Benar kita sedang cuba untuk memulihkan pencemaran sungai kita dengan memperuntukkan perbelanjaan besar, tetapi bolehkah kita mengekalkan kebersihannya jika rakyat sendiri yang tidak tahu bagaimana menjaga kebersihan sungai kita?

Untuk tujuan itu, kerajaan hendaklah memastikan semua kilang atau deretan rumah kedai dan ladang penternakan beroperasi jauh dari sungai kerana selalunya mereka ini membuang kotoran saluran terus ke sungai.

Kita hendaklah menutup jalan berhampiran sungai itu kepada semua kenderaan berat dan segala kegiatan pembalakan dan pemusnahan kayu bakar yang berhampiran dengan sungai hendaklah dihentikan serta-merta.

Hukuman berat hendaklah dikenakan ke atas mereka yang membuang sampah sarap terutama bahan toksik ke sungai. Wujudkan pengawalan serta pemantauan dengan melantik pegawai penguat kuasa khas sepanjang masa bagi setiap sungai utama.

Hadkan pembangunan seperti projek perumahan mega berhampiran sungai dan akhir sekali terapkan pendidikan sivik terutama berhubung penjagaan alam sekitar daripada peringkat sekolah rendah lagi.

Komitmen dan kesedaran masyarakat Malaysia dalam menjaga alam semula jadi dan kebersihan di sekeliling kita tidak begitu efektif jika ia dibuat menerusi iklan saja kerana sikap tidak bertanggungjawab diamalkan dengan begitu berleluasa di negara ini.

**SYED ABDULLAH OSMAN
JAMALULLAIL,
Ampangan, Seremban.**